

04 AUG 2003

Mahathir-Inggeris/I (Bergambar)

TERIMA BAHASA INGGERIS, KEKAL BAHASA IBUNDA, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat supaya menerima penggunaan bahasa Inggeris kerana bahasa itu penting dalam menimba pengetahuan.

Pada masa yang sama, katanya, mereka juga perlu mengekalkan bahasa ibunda untuk menjaga identiti mereka.

"Kita mesti menguasai bahasa Inggeris untuk memperolehi lebih banyak ilmu," beliau berkata demikian ketika menjawab soalan daripada seorang peserta Kongres Asia Timur Pertama di sini, hari ini, yang bertanya jenis konsep pendidikan yang patut digunakan di negara-negara Asia Timur.

Sambil memberikan contoh sistem pendidikan di Malaysia, Dr Mahathir berkata kerajaan Malaysia menyedari pentingnya bahasa Inggeris dan oleh itu mengambil langkah drastik untuk melaksanakan penggunaan bahasa asing itu pada matapelajaran Matematik dan Sains di peringkat sekolah.

Menerangkan rasional di sebalik penggunaan bahasa Inggeris pada subjek itu, Dr Mahathir berkata: "Adalah mustahil bagi kita menterjemah semua kerja ke bahasa kita. Untuk menterjemah satu risalah berbentuk teknikal memerlukan tiga kelayakan. Seorang itu mesti menguasai bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia dan juga arif dalam subjek itu... kita memang tidak ada kepakaran ini."

Beliau berkata bahawa Malaysia tidak mampu membazirkan sumber manusia yang bernilai dalam kerja terjemahan jika tenaga mereka sangat diperlukan di tempat lain.

Tetapi dalam masa yang sama, beliau berkata kerajaan menyedari pentingnya subjek Matematik dan Sains dalam pembangunan negara.

"Kita haruslah pragmatik dalam pendidikan," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata dalam dunia hari ini adalah penting manusia menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa selain bahasa ibunda kerana ini akan membantu seseorang itu menampilkan diri terutamanya di peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri sebelum itu menyampaikan ucap tama pada kongres itu sebelum mengadakan sesi soal jawab bersama peserta.

Kira-kira 1,500 peserta dari negara Asean, Jepun, China dan Korea Selatan menghadiri kongres tiga hari itu yang akan berakhir Rabu ini.

-- BERNAMA

NM AHH BK PR